

Projek HSR: George Kent, Siemens bentuk kerjasama



Tan Kay Hock

Muhd. Shahizam Tazali

12 Oktober 2017 3:00 AM

KUALA LUMPUR 11 Okt. - George Kent (Malaysia) Berhad akan bekerjasama dengan kumpulan Siemens untuk membentuk sebuah syarikat aset persendirian dibiayai (AssetCo) bagi tender projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) dari Kuala Lumpur ke Singapura.

Pengerusi George Kent, Tan Sri Tan Kay Hock berkata, pihaknya memasuki perjanjian prakonsortium dengan Siemens Aktiengesellschaft, Jerman dan Siemens Pte Ltd., Singapura pada 6 Oktober lalu.

Katanya, kedua-dua buah syarikat membentuk prakonsortium untuk kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC) sebagai persediaan untuk tawaran bersama di peringkat EPC kepada Syarikat Bertujuan Khas (SPC).

"SPC tersebut akan membida untuk pembangunan, kewangan, pembinaan dan operasi teknikal serta penyelenggaraan untuk projek HSR.

"Perjanjian berkenaan akan melibatkan kami dalam projek HSR dan memberi impak positif terhadap perolehan dan aset bersih syarikat pada masa hadapan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kay Hock menambah, HSR merupakan projek berprestij pertama di ASEAN yang melibatkan kereta api laju merentas sempadan dua buah negara.

Menurut beliau, George Kent berbangga untuk bekerjasama dengan Siemens yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam mengendalikan sistem kereta api berkelajuan tinggi di peringkat global.

"Kami mahu menjadi sebahagian daripada syarikat tempatan yang menyumbang kepada pelaksanaan projek HSR ini," ujarnya.

Projek HSR antara Malaysia dan Singapura dijadualkan siap pada 2026 akan mengurangkan masa perjalanan kepada 90 minit antara kedua-dua bandar raya, dengan kelajuan lebih 300 kilometer sejam.

Projek itu melibatkan pembinaan landasan kereta api sejauh 350 kilometer dan mempunyai lima transit iaitu Seremban (Negeri Sembilan), Ayer Keroh (Melaka), Muar,

Batu Pahat dan Iskandar Puteri di Johor bermula dari Kuala Lumpur dan berakhir di Jurong East di Singapura.

Tag Berkaitan

Kuala Lumpur

Pengangkutan

Semasa

ARTIKEL BERKAITAN

Kesas tawar diskaun tol 10 peratus sempena Deepavali



Demak teroka pasaran Sri Lanka



Modenas bakal perkenal dua model baharu pada suku pertama 2018

Kajian semula PSC masih berjalan – Mavcom

Sunway raih projek LRT3 RM2.18b

Bajaj jadikan Malaysia hab pasaran ASEAN

VIDEO TERKINI

Boy Iman: reman disambung

Kapsul Berita 11 Okt. 2017



Perlumbaan MRT vs Kereta: Stesen MRT Merdeka ke Stesen MRT Stadium Kajang



Takut punca wanita enggan lakukan pemeriksaan awal barah payudara

Yakult, Utusan Malaysia adakan Bengkel Kesedaran Barah Payudara

Kapsul Berita 10 Okt. 2017

Private Pension Administrator Malaysia (PPA): Penambahbaikan tabungan untuk semua di hari tua

VIDEO PILIHAN**ARTIKEL LAIN**

Nuzman lepas jawatan susulan skandal rasuah



Kebakaran di loji tidak timbulkan risiko kepada persekitaran



Navas bakal terlepas aksi Liga Juara-Juara